

Imbangi kebebasan seni, tanggungjawab universiti

- Kebebasan seni memberi ruang kepada pelajar untuk menguji idea, mencabar kerangka pemikiran sedia ada serta membina tafsiran baharu terhadap realiti sosial melalui pendekatan kreatif

- Kebebasan tanpa kerangka berisiko menghakik kepercayaan awam, manakala kawalan yang berlebihan pula boleh membantutkan perkembangan intelektual dan kreativiti



Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM)

Oleh Prof Madya Dr Mohamad Shaharudin Samsurijan
bhrencana@bh.com.my

Institusi pendidikan tinggi (IPT) sering dianggap sebagai ruang paling subur untuk kebebasan berfikir, percambahan idea dan penerokaan kreatif. Namun, kontroversi yang tercetus daripada persembahan dalam pertandingan Karnival Teater (KARVITER) anjuran sebuah universiti awam (UA) baru-baru ini mencetuskan perbahasan meluas mengenai batas antara kebebasan seni dengan tanggungjawab institusi pendidikan.

Isu ini mencerminkan pertembungan nilai lebih mendalam dalam ekosistem pendidikan tinggi negara. Pada umumnya, mahasiswa seni teater dididik untuk

membina pemikiran kritis, empati sosial, sekali gus membentuk keupayaan dalam menterjemahkan keberanian intelektual melalui ekspresi seni yang berkesedaran.

Dari sudut teori, kebebasan seni sebenarnya adalah lanjutan kepada prinsip kebebasan akademik yang menjadi asas kewujudan universiti. Kebebasan ini memberi ruang kepada pelajar untuk menguji idea, mencabar kerangka pemikiran sedia ada serta membina tafsiran baharu terhadap realiti sosial melalui pendekatan kreatif.

Dalam tradisi keilmuan, universiti berfungsi sebagai ruang intelektual yang membenarkan penerokaan idea secara terbimbing, termasuk melalui ekspresi seni bersifat simbolik dan reflektif.

Seni dalam konteks pendidikan selain medium ekspresi, ia juga berfungsi sebagai instrumen penting untuk memahami dinamika masyarakat, iaitu merangkumi persoalan kuasa, identiti, nilai dan emosi manusia.

Melalui pendekatan ini, pelajar bukan sahaja menghasilkan karya, tetapi turut mengasah keupayaan analitikal dan kepekaan sosial. Justeru, pendekatan terlalu restriktif terhadap seni berisiko menghadkan proses pembelajaran yang bersifat kritikal, reflektif dan transformatif, yang menjadi teras kepada pendidikan tinggi.

Namun, kebebasan seni dalam kampus beroperasi dalam kerangka berbeza daripada ruang awam atau komersial. Universiti, khususnya UA, berperanan sebagai institusi sosial dipertanggungjawabkan kepada pelbagai pemegang taruh termasuk pelajar, ibu bapa, masyarakat, negara dan pembayar cukai.

Universiti juga memikul amanah bukan sahaja sebagai ruang penghasilan idea, tetapi juga sebagai wahana pembentukan sahsiah, nilai dan keupayaan pertimbangan generasi muda terpelajar.

Kebebasan seiring prinsip akauntabiliti

Sehubungan itu, kebebasan dalam persekitaran universiti perlu bergerak seiring dengan prinsip akauntabiliti institusi serta kepekaan terhadap konteks sosial lebih luas, menjadikannya bukan sekadar ruang untuk berkarya, tetapi suatu bentuk kepercayaan yang menuntut kebijaksanaan dalam menilai kesesuaian, implikasi dan tanggungjawab terhadap masyarakat.

Reaksi masyarakat umum dan komuniti ma-

hasiswa terhadap kes ini turut memperlihatkan dimensi sosiobudaya yang tidak wajar diabaikan. Universiti berkenaan beroperasi dalam konteks masyarakat Malaysia yang plural, namun masih kuat dipengaruhi nilai agama dan norma kesopanan kolektif.

Apabila sesuatu persembahan dipentaskan dalam ruang pendidikan, ia melangkai interaksi antara artis dan khalayak terbatas, sebaliknya menjadi representasi simbolik institusi berkenaan. Justeru, persepsi awam terhadap kesesuaian sesuatu karya seni turut mempengaruhi reputasi dan legitimasi sosial universiti.

“Universiti perlu memimpin dalam menetapkan garis imbangan yang jelas dalam memelihara ruang wacana kritikal sambil memastikan kepekaan terhadap nilai dan konteks masyarakat terus terpelihara”

Dari perspektif sains sosial, kes ini boleh ditafsirkan sebagai pertembungan antara nilai kosmopolitan seni yang merayakan kebebasan tanpa sempadan dengan nilai komuniti tempatan yang menekankan kesantunan, sensitiviti agama dan tanggungjawab moral.

Pertembungan ini tidak semestinya bersifat sifar atau menang-kalah, sebaliknya menuntut dialog berterusan mengenai batas, konteks dan kesedaran situasi. Kebebasan seni yang matang bukan berasaskan pencetus kontroversi semata-mata, tetapi digerakkan oleh kepekaan terhadap ruang, audiens dan implikasi sosial.

Universiti sebagai penjaga nilai awam perlu bertindak secara cermat dalam menangani kebimbangan masyarakat. Seperti yang sering ditekankan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Datuk Seri Dr Abdul Rahman Mohamed, kebebasan dalam kampus mesti bergerak seiring dengan disiplin, etika dan tanggungjawab.

Tanpa kerangka ini, universiti berisiko menghakik autoriti moralnya sebagai institusi pembinaan insan, dan terhad kepada peranan sebagai pengeluar bakat teknikal.

Implikasi jangka panjang kes ini terhadap pendidikan seni di universiti adalah signifikan.

Pertama, ia menegaskan keperluan memperkukuh literasi etika dan kecerdasan konteks dalam kalangan pelajar, iaitu keupayaan memahami bila, di mana dan kepada siapa sesuatu karya dipersembahkan.

Kedua, institusi perlu mengimbangi pendekatan tadbir urus dengan peranan mendidik melalui refleksi kritikal, dialog terbuka dan bimbingan akademik. Kes sebegini sewajarnya dimanfaatkan sebagai ruang pembelajaran yang membina dan memperkaya pengalaman akademik.

Secara keseluruhan, kes ini memperlihatkan bahawa kebebasan seni dalam institusi pendidikan tinggi menuntut disiplin, pertimbangan dan keber-tanggungjawab yang seimbang.

Kebebasan tanpa kerangka berisiko menghakik kepercayaan awam, manakala kawalan yang berlebihan pula boleh membantutkan perkembangan intelektual dan kreativiti.

Justeru, universiti perlu memimpin dalam menetapkan garis imbangan yang jelas dalam memelihara ruang wacana kritikal sambil memastikan kepekaan terhadap nilai dan konteks masyarakat terus terpelihara.

Keupayaan mengekalkan imbangan ini akan menentukan sama ada universiti kekal sebagai institusi yang dihormati dan dipercayai atau sekadar ruang penghasilan bakat tanpa arah nilai yang kukuh.



